


→ WILAYAH

Pelaksanaan sistem bayaran tol elektronik (ETC)

Pengguna dinasihatkan membeli kad Touch `n Go dan mempunyai nilai baki mencukupi untuk membayar tol menerusi ETC



Ketika melalui lorong khas pemandu perlu sentuh kad Touch `n Go pada mesin pengimbas

Pengguna SmartTAG tidak perlu sentuh kad Touch `n Go ketika melalui lorong khas

BH
2514117
mls-28

ETC dilaksanakan di Plaza Tol Lebuhraya PLUS seluruh negara mulai hari ini

Tol elektronik elak pencemaran, kurangkan tekanan pengguna



Apabila tidak perlu beratur panjang untuk membuat pembayaran, pengguna tidak akan tertekan dan ia juga boleh mengurangkan pencemaran udara di situ apabila kenderaan kurang mengeluarkan asap yang banyak”

Noor Azmi Ghazali,
Pengerusi Lembaga
Lebuhraya Malaysia

→ 6 lebuhraya seluruh negara guna ETC

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mulai esok, sistem pembayaran tol elektronik (ETC) akan dilaksanakan sepenuhnya di semua plaza tol kendalian Plus Malaysia Berhad (PLUS).

Susulan itu, bermula jam 12 tengah malam ini, tiada lagi transaksi tol secara tunai akan dikendalikan di 71 plaza tol di antara Juru di Pulau Pinang hingga Skudai, Johor; sebaliknya orang ramai perlu membayar tol menggunakan

kad PLUSMiles, Touch 'n Go atau SmartTAG.

94 peratus guna ETC

Berdasarkan rekod PLUS, setakat ini kira-kira 94 peratus pengguna yang melalui Lebuhraya Utara-Selatan di antara Juru hingga Skudai sudah menggunakan sistem ETC.

Inisiatif ETC dilaksanakan secara berperingkat sejak 2008 antara lain bagi mengurangkan kesesakan dan mempercepatkan transaksi di lorong pembayaran khususnya ketika musim perayaan.

Pembayaran tol menggunakan sistem elektronik diyakini akan memudahkan pengguna membayar tol, lebih pantas dan selesa berbanding pembayaran secara tunai.

Menerusi kaji selidik PLUS, lorong SmartTAG mampu mengendalikan 1,000 transaksi dalam tempoh satu jam, manakala lorong Touch 'n Go pula boleh mengendalikan 600 transaksi dalam tempoh sama.

Lorong tunai (keluar) pula hanya mampu mengendalikan 180 transaksi dalam masa satu jam.

Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata pelaksanaan ETC sejajar kehendak kerajaan untuk mengurangkan tahap tekanan rakyat dan pencemaran udara di negara ini.

“Apabila tidak perlu beratur panjang untuk membuat pembayaran, pengguna tidak akan tertekan dan ia juga boleh mengurangkan pencemaran udara di situ apabila kenderaan kurang mengeluarkan asap yang banyak,” katanya.

Sementara itu, PLUS dilaporkan membelanjakan kira-kira RM3 juta merangkumi aspek promosi, hebahan dan menaik taraf sistem pembayaran elektronik yang akan dilaksanakan ini.

Ketua Pegawai Operasi PLUS, Mohammad Fuad Khusairi berkata, pihaknya sudah bersiap sedia berdepan dengan sebarang kemungkinan seperti gangguan bekalan

elektrik bagi memastikan ETC dapat berjalan lancar tanpa membebankan pengguna.

Sebelum ETC dilaksanakan sepenuhnya di lebuhraya PLUS, sistem ETC juga sudah dilaksanakan di Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau sejak 22 November 2014.

6 lebuhraya guna ETC

Malah, pada 1 Jun 2016, sistem ETC sepenuhnya sudah dilaksanakan di 18 plaza tol di enam lebuhraya diuruskan syarikat konsesi berbeza.

Ia membabitkan plaza tol diuruskan syarikat konsesi Lebuhraya Sungai Besi (Besraya Sdn Bhd), Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (LLB), Lebuhraya Sistem Lingkaran Kajang (SILK) dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE).

Ia termasuk Lebuhraya Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'adzam Shah (JSAHMS) dan Lebuhraya Pintas Selat Kelang Utara Baru (GRAND SEPADU).